



Teladani gaya **Rasulullah SAW** mendidik orang muda

Rabiul Awal kembali bertandang untuk tahun 1435 Hijrah/2014 Masihi. Bulan ini mengingatkan kita kepada peristiwa agung kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Sirah kegemilangan Rasulullah SAW tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Sejarah tamadun manusia memuktikan, tidak ada insan sehebat Rasulullah dalam segenap lapangan sehingga diiktiraf oleh ahli sejarawan dan orang bukan Islam lantas membenarkan ayat Allah SWT dalam surah Al-Anbiya ayat 107 yang bermaksud: "Dan tidak Kami utuskan

Engkau (Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk sekalian alam semesta".

Pemilik nama Muhammad bin Abdullah ialah manusia yang dimuliakan Allah SWT bukan saja sejak kelahirannya dan selepas kewafatan, malah sebelum itu lagi.

Baginda disebut oleh Allah dalam kitab Samawi iaitu Taurat dan Injil, justeru ahli kitab dalam kalangan Yahudi dan Nasrani sudah maklum akan kelahirannya seorang insan mulia sebagai rasul dan nabi terakhir.

Kekasih Allah
Tanggal 12 Rabiulawal

Tahun Gajah, seluruh alam, langit dan bumi menyambut kelahiran kekasih Allah ini. Kelahirannya yang membawa kebaikan bukan saja kepada manusia akan malahan seluruh makhluk ciptaan Allah.

Rasulullah ialah pemimpin negara, ahli ekonomi, ketua masyarakat, bapa dan suami mithali, pengembali kambing, panglima tentera digeruni dan suri teladan sepanjang zaman. Jika kekaguman ini diungkap dengan tulisan tentu habis dakwat pena menitipkan keindahan dan keistimewaan Nabi Muhammad SAW.

Antara perjuan-

gan Rasulullah SAW ialah membangunkan pemuda hebat untuk menjadi duta dakwah dan penyambung perjuangan Islam di serata dunia.

Tanpa pemuda beriman dan bertaqwa, pasti Islam akan menghadapi kesukaran untuk berkembang dan tersebar luas.

Nama besar, contohnya, Mus'ab bin Umair, Usamah bin Zaid, Ali Abi Talib, Bilal bin Rabah, Khalid Al-Walid, Amir bin Furaihah serta Asma' Binti Abu Bakar antara contoh pemuda-pemudi yang mendapat tarbiyah terus daripada Nabi Muhammad SAW.

Harapan besar
Rasulullah sentiasa percaya dan memberi harapan besar kepada golongan muda serta memberikan posisi penting kepada mereka termasuk sebagai panglima perang, duta dakwah ke luar negara dan pemegang amanah.

Contohnya, Zaid bin Thabit dilantik sebagai setiausaha Rasulullah SAW dan diarahkan untuk mempelajari bahasa Ibrani untuk

dihantar sebagai duta hubungan diplomatik. Walaupun Zaid mempunyai kepakaran dalam bidang al-Quran dan Fiqh, Rasulullah mempelbagaikan ilmu dan kemahiran pemimpin muda agar dapat digunakan untuk tujuan kelangsungan dakwah Islam.

Oleh itu, golongan muda harus dididik dengan cara Rasulullah iaitu berdasarkan iman dan takwa, bukannya dengan hiburan dan gelak ketawa.

Anak muda juga harus mencontohi akhlak Rasulullah dan menjadikan baginda sebagai ikon dalam kehidupan. Manfaatkan masa muda dengan mencari ilmu dan menggilap potensi agar suatu hari nanti negara mempunyai pemuda-pemudi yang menjunjung akidah Islam tulen, berperagakan akhlak Islam yang sejati sejajar dengan apa yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".